

Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,**  
**Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: [alirsyad@kuis.edu.my](mailto:alirsyad@kuis.edu.my)  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 2, (December, 2020)**

## **Sorotan literatur terhadap cabaran pendidikan Islam anak-anak mualaf di Malaysia**

**[Literature review on the challenges of Islamic education among converts' children in Malaysia]**

**Asma' Fakhruddin<sup>1\*</sup>, Azarudin Bin Awang<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu, Malaysia.

\* Corresponding Author: Asma' Fakhruddin. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, 40450, Shah Alam, Selangor. E-mail: [asmafakhruddin@uitm.edu.my](mailto:asmafakhruddin@uitm.edu.my). Phone: +60 11-19319596.

---

**Keywords:**

*Challenges, Children, Converts, Malaysia, Islamic Education*

---

**ABSTRACT**

*Islamic religious education is a very important element in building a Muslim community that has a strong, formidable sense of integrity. Islamic knowledge covers faith, acts of worship, sharia and moral. These are among the important components that every individual, especially those called Muslims, should learn. The development of Islamic da'wah in Malaysia results in individuals from different races and religions converting to Islam. This new group known as 'converts' needs assistance in aspects of Islamic education to ensure that they can become a true Muslim. The weakness of these converts in understanding, practising and reflecting on their religious practices poses a great challenge to the converts' children's religious education. Therefore, this study will identify the challenges faced by converts' children in Malaysia in empowering their religious education. This study uses the library study method through close reference to the writings and documents on converts. The review of past studies shows that the challenges faced by the children of converts in obtaining Islamic education are religious challenges, challenges brought by parents who lack the basics of religion and who are illiterate, financial challenges and challenges involving family backgrounds. This study recommends that converts' children are given a particular emphasis on Islamic education by the agencies involved to strengthen their integrity from young, to avoid any forms of negative influence that will inhibit their religious values.*

---


**Kata Kunci:**

Cabaran, Pendidikan Islam, Anak-Anak, Mualaf, Malaysia

---

**ABSTRAK**

Pendidikan agama Islam merupakan perkara yang amat penting dalam membina masyarakat Islam yang mempunyai jati diri yang kuat dan utuh. Ilmu pengetahuan agama Islam meliputi akidah, ibadah, syariah dan akhlak merupakan antara komponen penting yang perlu dipelajari oleh setiap individu khususnya yang bergelar Muslim. Perkembangan dakwah Islam di Malaysia menyebabkan berlakunya pemeluk agama Islam dari pelbagai bangsa dan agama. Kelompok yang baru memeluk Islam dikenali sebagai mualaf ini amat memerlukan bantuan dari aspek pendidikan Islam bagi menjadikan diri mereka sebagai Muslim yang sejati.



Kelemahan mualaf dalam memahami, mengamalkan dan menghayati agama memberi cabaran yang besar kepada pendidikan keagamaan anak-anak mualaf. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh anak-anak mualaf di Malaysia dalam memperkasakan pendidikan agama mereka. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan melalui penelitian tulisan-tulisan dan dokumen yang berkaitan anak mualaf. Hasil sorotan kajian lepas menunjukkan cabaran yang dihadapi anak-anak mualaf dalam mendapatkan pendidikan Islam ialah seperti cabaran penghayatan agama, cabaran ibubapa yang kurang asas agama dan buta huruf, cabaran kewangan dan cabaran latar belakang keluarga. Kajian ini mencadangkan agar anak-anak mualaf diberikan penekanan yang khusus dalam aspek pendidikan agama Islam oleh agensi-agensi yang terlibat bagi mengukuhkan jati diri mereka sejak kecil bagi mengelakkan sebarang bentuk anasir yang mampu merencatkan nilai keagamaan mereka.

Received: November 20, 2020

Accepted: December 14, 2020

Online Published: December 23, 2020


## 1. Pengenalan

Berdasarkan tafsiran yang digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, mualaf didefinisikan sebagai orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru (Anon, 2010). Manakala, mualaf dalam konteks masyarakat yang berbilang kaum dan bangsa di Malaysia merujuk kepada individu yang baru memeluk agama Islam sama ada individu tersebut berbangsa Cina, India mahupun etnik lain. Hal ini seperti mana yang didefinisikan oleh Kasimin (1985) bahawa secara amnya orang Melayu memberikan gelaran mualaf ini kepada orang-orang Cina, India dan bangsa lain yang memeluk Islam. Namun, sebahagian sarjana turut menggunakan istilah ‘saudara baru’ sebagai istilah yang merujuk kepada mualaf. Perkara ini seperti dinyatakan oleh Che Abah, Suhid, & Mohd Fakhrudin (2019) bahawa kelompok mualaf atau disebut juga sebagai saudara baharu merupakan kelompok yang diberikan perhatian dalam Islam. Begitu juga Ali & Hamjah (2015) dalam artikelnya menyatakan bahawa saudara baru di Malaysia sama ada Cina, India, atau etnik lain sering dirujuk atau diistilahkan sebagai mualaf.

Di Malaysia penggunaan perkataan mualaf, saudara baru atau saudara Muslim merujuk kepada seseorang yang baru memeluk agama Islam (Mohamad, Abd. Majid, & Omar, 2017). Pada asalnya mualaf ini diambil daripada istilah yang terdapat dalam al-Quran pada ayat 60 surah al-Taubah iaitu daripada perkataan “*muallafatu qulubuhum*” yang bermaksud individu yang dijinakkannya hatinya untuk cenderung kepada agama Islam (Che Abah et al., 2019). Situasi hari ini memperlihatkan berlaku peningkatan pemelukan agama Islam dari pelbagai bangsa dan agama rentetan daripada perkembangan dakwah Islam di Malaysia. Perkara ini merupakan suatu berita yang patut disyukuri kerana pemelukan ini membawa mereka kepada agama fitrah iaitu Islam. Bahkan, agama Islam merupakan agama yang membawa kepada keamanan, kedamaian dan kesejahteraan (Suhid, 2009) selain mengiktiraf manusia sebagai modal berkualiti dalam membina bangsa yang bertamadun (Suhid, Fakhruddin, Roslan, Abdul Mutualib, & Che Noh, 2014).

Selain itu, agama Islam juga sesuai untuk semua manusia tanpa mengira bangsa dan warna kulit kerana sifatnya yang universal menjadi punca semakin ramai orang bukan Islam tertarik dengan agama Islam (Che Abah et al., 2019). Menurut Che Abah et al. (2019) berdasarkan statistik yang dinyatakan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM), jumlah mualaf yang memeluk agama Islam di Malaysia pada tahun 2016 adalah seramai 9400 orang manakala 9200 orang pada tahun 2017 dan 8340 orang pada tahun 2018. Angka yang memberi sinar kebahagiaan kepada masyarakat Islam ini perlu disambut baik oleh pihak kerajaan dan NGO dengan menguruskan hal ehwal golongan yang baru memeluk Islam ini sebaik mungkin.

Anak mualaf merujuk kepada anak-anak dari komuniti yang baru sahaja melakukan pemelukan agama atau baru meyakini agama baru, atau juga baru memeluk Islam. Dalam kata lain, ia membawa maksud anak-anak dari golongan mualaf yang baru memeluk Islam dan mempunyai iman dan ilmu pengetahuan Islam yang masih lemah (Hermawansyah & Suryani, 2017). Selain itu, dengan berpandukan kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, anak-anak mualaf yang berusia 18 tahun ke bawah dan berada di




bawah peliharaan mualaf boleh memeluk Islam jika mualaf tersebut mengizinkannya (Abdul Jalil, Hamzah, & Lubis, 2017). Senada dengan itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan 2009 telah menetapkan bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa memeluk Islam, maka agama anak dibawah umur juga adalah Islam dan anak tersebut perlulah diletakkan di bawah jagaan ibu atau bapa yang menganut Islam. Bahkan, keputusan ini telah disandarkan pada asas hujahan yang kukuh dan bersesuaian dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan sepertimana yang termaktub pada Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan (Abu Bakar, 2013). Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dapat dinyatakan bahawa anak mualaf merupakan anak yang lahir setelah ibu atau bapanya atau keduanya memeluk Islam; atau anak mualaf turut memeluk agama Islam bersama ibu bapanya. Oleh itu, anak-anak mualaf dilihat perlu diberikan lebih perhatian dan bimbingan terutamanya dalam aspek pendidikan Islam agar kefahaman akidahnya mantap dan tidak mudah digoyahkan untuk kembali kepada agama asal mereka.

Secara umumnya, sebagai seseorang yang baru memeluk Islam pasti terkapi-kapai dalam mempelajari dan memahami ajaran Islam. Justeru, golongan mualaf ini pasti akan mengalami kesukaran, permasalahan dan cabaran dalam mendalami serta mempraktikkan ajaran Islam (Ali & Hamjah, 2015). Oleh itu, bimbingan agama perlu diberikan kepada mualaf dalam memastikan proses pendidikan Islam yang diterima adalah selaras dengan apa yang diajar dalam Islam sekali gus mengelakkan dan mengurangkan angka kes murtad dalam kalangan mualaf. Menurut laporan, sebanyak 686 permohonan murtad dicatatkan di Malaysia sepanjang tahun 2000-2010 yang mana sebahagian besarnya datang daripada golongan mualaf (Basir, 2012). Ilmu pengetahuan agama Islam yang sedikit serta tidak mengamalkan ajaran Islam menjadi faktor utama terjadinya kejadian murtad dalam kalangan mualaf (Tajul Arifin, 2013). Dapat dinyatakan bahawa kelemahan dalam memahami dan menghayati agama dalam kalangan mualaf bukan sahaja memudaratkan diri sendiri, malah ia turut memberi kesan yang langsung kepada anak-anak mualaf. Seandainya ibubapa mualaf murtad, mereka akan turut membawa bersama-sama anak peliharaannya untuk keluar daripada Islam (Abdullah, 2017).

Pendidikan Islam bermula dari pengenalan Islam, penghayatan Islam dan akhlak Islam perlu diajarkan dan diberikan bimbingan kepada semua golongan mualaf untuk memandu mereka menuju kepada pelaksanaan Islam sejati dalam hidup mereka, kerana tanpa pendidikan atau bimbingan agama Islam, golongan mualaf mengalami pelbagai masalah (Muhamat @ Kawangit, 2013). Oleh yang yang demikian, memandangkan betapa perlunya pendidikan Islam diajarkan kepada mualaf, pastinya tumpuan yang lebih serius perlu diberikan bagi memenuhi keperluan anak-anak mualaf yang masih di usia remaja untuk mendapatkan perhatian dan bimbingan khusus dalam perkara asas fardhu ain (Abdul Jalil et al., 2017) di samping pendidikan asas-asas lain yang berkaitan agama Islam. Namun begitu, pengkaji mendapati anak-anak mualaf ini tidak terkecuali daripada berhadapan dengan cabaran dalam mendapatkan pendidikan Islam yang sempurna. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh anak-anak mualaf di Malaysia dalam memperkasakan pendidikan agama mereka.

## 2. Konsep Pendidikan Islam

Al-Quran dan Sunnah menjadi dasar terpenting dalam pendidikan Islam. Segala nilai yang ingin dicapai menerusi pendidikan haruslah bertepatan dengan apa yang terkandung dalam al-Quran dan As-Sunnah. Al-Quran yang tiada keraguan di dalamnya seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat dua menjadi bukti bahawa ia merupakan petunjuk kepada orang-orang bertaqwah. al-Quran dijamin terpelihara kebenaran dan kesuciannya, sama ada dalam pembinaan aspek kehidupan spiritual mahupun aspek sosial budaya dalam pendidikan (Mahfud, 2017). Demikian juga Sunnah atau hadis nabi SAW yang menjadi dasar kedua dalam pendidikan Islam selepas al-Quran (Mahfud, 2017). Menurut Othman, Ahmad @ Mohammed, & Kassim (2017) al-Quran dan Sunnah menjadi teras dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Senada dengan itu, Stapa, Yusuf, & Shahruddin (2012) turut menyatakan bahawa dalam konteks pendidikan Islam, pendidikan perlulah berlandaskan al-Quran dan Sunnah yang didasari oleh tauhid dan keesaan Allah SWT kerana kegagalan untuk meletakkan al-Quran dan Sunnah dalam pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk peribadi muslim yang komited terhadap tuntutan agama. Justeru daripada kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai panduan dan teras utama dalam pendidikan Islam bukanlah satu pilihan malah merupakan satu kewajipan kerana ia selaras dengan definisi pendidikan Islam seperti yang dinyatakan oleh Agustina (2018) iaitu ingin melahirkan individu yang mengamalkan ajaran Islam bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Sebagaimana firman Allah SWT pada lima ayat pertama surah *al-'Alaq* iaitu:



أَقْرَأُ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَىٰ ② أَقْرَأَ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَمَ بِالْقِلْمَنْ ④ عَلَمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Maksudnya:

*“Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari ‘Alaq, Bacalah, dan Tuhanmulah yang paling Pemurah, Yang mengajar manusia dengan pena, Dia mengajarkan kepada manusia apa yang belum diketahuinya.”*


Ayat yang diturunkan kepada Rasulullah SAW ini menunjukkan bahawa pendidikan adalah suatu perkara yang sangat dititik beratkan dalam Islam di mana pendidikan tidak sekadar pemindahan maklumat dari seorang guru kepada murid bahkan merupakan suatu proses untuk membina manusia yang cemerlang berdasarkan kacamata atau ajaran Islam (Yusoff Awang & Che Mat, 2004). Berdasarkan Modul Pendidikan Islam di bawah Program Diploma Perguruan Malaysia, dalam bahasa arab pendidikan bererti tarbiah yang membawa maksud pertambahan, perkembangan dan ketinggian. Perkataan tarbiah pada asalnya datang dari kata kerja *rabba* yang salah satu maknanya bermaksud memperbaiki (*islah*), memimpin dan mentadbir. Manakala menurut ahli bahasa tarbiah bererti membangun sesuatu secara tahap demi tahap menuju kepada kesempurnaan (Anon, 2018).

Pendidikan Islam merupakan satu usaha sedar yang dilaksanakan bagi mempersiapkan anak dalam mengenali, memahami, serta menghayati seluruh aspek agama Islam menerusi aktiviti bimbingan dan latihan dengan menjadikan Al-Quran dan Sunnah sumber ajarannya demi mencapai kebahagiaan dunia akhirat (Agustina, 2018). Manakala menurut Yusri & Abdullah @ Tan Ai Pow (2015), pendidikan Islam merupakan pendidikan yang membentuk nilai akhlak yang tinggi dengan menjauhkan diri daripada segala amalan buruk dan memuliakan diri dengan melakukan segala amalan yang murni. Manakala Mahfud (2017) menjelaskan bahawa pendidikan Islam adalah satu usaha sedar yang dilaksanakan kepada anak untuk memperkenalkan, memberi pemahaman serta penghayatan dalam ajaran Islam melalui kegiatan bimbingan, pengajaran dan latihan dengan memberi tuntutan untuk mengamalkan ajaran Islam serta menjadikan agama Islam sebagai pegangan hidup untuk memperoleh kebaikan di dunia dan akhirat.

Aryani (2015) pula mendefinisikan pendidikan Islam sebagai bimbingan terhadap pertumbuhan rohani dan jasmani berpandukan ajaran Islam dengan hikmah mengarahkan, mengajarkan, melatih, mengasuh dan mengawasi berlakunya semua ajaran Islam dan juga usaha mempengaruhi jiwa anak didik melalui proses setingkat demi setingkat ke arah tujuan yang ditetapkan, iaitu menanamkan taqwa dan akhlak serta menegakkan kebenaran sehingga menghasilkan insan yang berperibadi dan berakhlik mulia mengikut kerangka ajaran Islam. Justeru, daripada beberapa definisi yang dikemukakan di atas, dapat dinyatakan bahawa pendidikan Islam merupakan satu usaha yang jitu dalam memberi pengenalan, pemahaman, penghayatan dan bimbingan terhadap pertumbuhan rohani dan jasmani menurut ajaran Islam di samping mengarahkan, mengajarkan, melatih, mengasuh dan membentuk seseorang anak agar mempunyai nilai akhlak yang terpuji dengan mengawasi dan menuntut untuk mengamalkan ajaran Islam bersumberkan kepada al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan utama demi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Pendidikan Islam bertujuan membentuk manusia yang mengamalkan akhlak mulia, bertaqa wa kepada Allah SWT, dan dapat melaksanakan ajaran agama Islam dengan cara terbaik serta patuh kepada aturan negara agar dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Mahfud 2017). Berkait dengan ini, Yusri & Abdullah @ Tan Ai Pow (2015) menjelaskan bahawa matlamat pendidikan Islam adalah untuk membentuk seorang Muslim yang efektif dalam aspek intelek, akal, rohani, dan jasmani serta produktif terhadap pembangunan ummah. Senada dengan itu, pendidikan Islam juga penting dalam mencapai matlamatnya untuk menghasilkan modal insan yang mempunyai sahsiah peribadi islamiah yang bakal memegang amanah sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi dengan nilai aqidah, syariah dan akhlak Islamiah (Ismail et al., 2019). Daripada dapatan kajian lepas ini, kita dapat rumuskan bahawa pendidikan Islam merupakan aspek penting dalam melahirkan individu yang mempunyai intelektual dan sahsiah diri yang tinggi, bertaqa wa kepada Allah SWT, berketerampilan dengan membawa agenda Islam iaitu sebagai khalifah Allah SWT di bumi dan bertindak secara produktif dalam membangunkan ummah.

Menurut Yusri & Abdullah @ Tan Ai Pow (2015), objektif pendidikan Islam kepada komuniti mualaf mampu dicapai sekiranya kaedah pendidikan yang dikemukakan al-Quran diadaptasi dengan baik. Tambah beliau lagi, anjuran al-Quran adalah sesuai untuk digunakan pada setiap keadaan terutama apabila melihat kepada latar belakang mualaf yang terdiri daripada pelbagai tahap pemikiran, taraf pendidikan serta budaya.



Pendidikan Islam yang bersifat menyeluruh dilihat berkesan sebagai pembentuk peribadi Muslim yang utama kerana Islam sudah memiliki kurikulum yang lengkap merangkumi pendidikan syariah, ibadah, akhlak di samping ilmu al-Quran dan Hadis untuk diajarkan kepada setiap mualaf yang baru memeluk Islam (Yusri & Abdullah @ Tan Ai Pow, 2015). Oleh itu, para mualaf hendaklah bersungguh-sungguh dalam mempelajari ajaran Islam di samping perlunya bimbingan yang berterusan daripada pihak kerajaan dan NGO dalam memberi pendidikan Islam kepada para mualaf. Sebagai ibubapa kepada anak mualaf pula, sepatutnya bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan Islam kepada anak-anak mereka. Namun, anak-anak mualaf ini berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mendapatkan pendidikan Islam daripada ibubapa mereka.

### **3. Isu dan Cabaran Pendidikan Islam Anak Mualaf**

#### ***3.1 Cabaran Ibubapa Mualaf Yang Kurang Asas Agama dan Buta Huruf***


Anak adalah anugerah Allah SWT kepada hambaNya dan juga sebagai amanah yang perlu dijaga dan dibina. Justeru, seorang anak amat memerlukan perhatian, kasih sayang, penjagaan, pemeliharaan dan sokongan daripada ibubapa mereka (Agustina, 2018). Anak juga perlu dibimbing agar mampu memahami berbagai hal tentang dunia dan isinya (Aryani, 2015). Pendidikan agama Islam perlu diajar kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi. Hal ini kerana semakin awal seseorang anak mendapat bimbingan agama yang sempurna, maka akan semakin baiklah nilai akhlak dan kefahaman terhadap ajaran Islam akan bersebat dalam diri mereka. Menurut Agustina (2018), anak yang berumur 7-12 tahun merupakan umur yang terbaik untuk melaksanakan pembentukan karakter serta kebiasaan yang baik kepada anak. Oleh itu, ibubapa perlu sedar peranan mereka dalam menyediakan pendidikan kepada anak sejak mereka kecil dengan menyeimbangkan pendidikan berkaitan dunia dan ukhwawi.

Sebagai ibubapa, mereka mempunyai peranan yang amat penting dalam mendidik anak-anak dengan acuan Islam bagi memastikan anak-anak sentiasa menjalani kehidupan seiring dengan syariat Islam dan mengamalkan nilai-nilai akhlak yang baik. Ibubapa menjadi sumber rujukan utama bagi anak-anak mereka. Anak-anak pasti akan menjadikan ibubapa mereka sebagai tempat mereka mengadu dan berbincang dalam pelbagai masalah yang dihadapi oleh mereka. Senada dengan itu, ibubapa juga berperanan sebagai motivator kepada anak (Agustina, 2018) dalam menyelesaikan setiap masalah mereka. Di sini pentingnya ibubapa untuk menerapkan motivasi dan nasihat yang berunsurkan Islam dalam diri anak-anak mereka. Ini kerana apabila ibubapa memberikan contoh atau nasihat yang baik, maka anak-anak akan mengambil contoh tersebut lalu membentuk akhlak dan peribadi mereka. Perkara ini jelas dinyatakan oleh Agustina (2018) bahawa teladan yang baik daripada ibubapa juga mampu melahirkan sikap-sikap baik yang dicontoh anak. Oleh itu jelaslah, peranan ibubapa dalam memberi didikan agama Islam kepada anak-anak mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung amat penting dalam membentuk nilai keagamaan dalam diri anak-anak.

Namun demikian, mendidik anak dengan pendidikan Islam bukan hal yang mudah bagi ibubapa, lebih-lebih lagi bagi ibubapa mualaf. Tentu sekali ibubapa mualaf pada tempoh awal pemelukan Islam, akan mengalami kesukaran dalam mendidik anak-anak dengan ajaran Islam disebabkan ilmu pengetahuan agama mereka yang terbatas. Menurut Mahfud (2017), ibubapa mualaf mempunyai keterbatasan ilmu pengetahuan Islam, sehingga menyebabkan mereka perlu memiliki pelbagai kaedah dan upaya yang dilaksanakan supaya dapat memberikan pengajaran Islam yang baik dan maksimum untuk anak remajanya. Perkara ini turut disokong oleh Hermawansyah & Suryani (2017) yang menjelaskan bahawa ibubapa yang baru memahami tentang agama Islam akan mengalami kesukaran mengajar dan membentuk nilai-nilai Islam dalam diri anak-anaknya.

Tambahan pula, terdapat segelintir ibubapa mualaf berdepan situasi lebih sukar apabila dirinya tidak pandai membaca dan menulis atau buta huruf sehingga menyebabkan mereka tidak dapat memberikan pendidikan yang sepatutnya diberikan kepada anak-anak mereka terutamanya dalam soal pendidikan Islam. Menurut laporan Abdul Rahman (2020), seorang mualaf bernama Muhammad Adam Lai Abdullah menyatakan walaupun buta huruf, namun dia berharap anak-anaknya mendapat pendidikan sehingga peringkat tertinggi bagi memastikan mereka mempunyai masa depan lebih cerah. Hal ini jelas menunjukkan kesedaran dalam kalangan ibubapa mualaf dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka tetapi kekurangan ilmu yang ada pada diri mereka mengekang diri mereka daripada memberikan pendidikan agama yang terbaik kepada anak.

Keterbatasan ilmu dan pemahaman mengenai ajaran Islam serta lemahnya iman ibubapa di awal usia memeluk Islam di samping segelintir ibubapa yang buta huruf memberi cabaran yang besar kepada anak-anak mualaf ini dalam mendapatkan pendidikan Islam yang terbaik. Sedangkan anak-anak di usia kecil dan remajanya perlu diasuh dan dilatih dengan cara hidup Islam agar terbina susuk tubuh yang mempunyai jati diri yang kuat dan tidak mudah untuk kembali ke agama asal mereka. Kelomongan dalam memberikan pendidikan



agama Islam kepada anak-anak mualaf ini sejak kecil akan menyebabkan kefahaman, penghayatan malah keyakinan terhadap ajaran Islam dalam diri anak-anak mualaf tidak stabil terutamanya perkara yang menyentuh soal kejiwaan. Selanjutnya, perkara ini boleh membawa kepada kes murtad dalam kalangan anak mualaf kelak khususnya ketika mereka berada pada usia belia. Menurut P. Guleng (2014) wujud dalam kalangan anak muda mualaf gagal menyesuaikan diri dengan masyarakat Muslim di sekitar yang menyebabkan merasa kecewa dan mengambil keputusan untuk murtad. Justeru, bagi mengelakkan daripada kejadian seperti itu berlaku, ibubapa mualaf perlu mengambil inisiatif lain dengan mendapatkan sokongan daripada pihak luar dalam memberikan pendidikan Islam kepada anak-anak mereka.

### **3.2 Cabaran Kewangan**

Cabarai pendidikan Islam anak-anak mualaf juga dapat dikenalpasti melalui faktor kewangan. Sesetengah ibubapa mualaf menghadapi kesempitan kewangan setelah melakukan pemelukan agama menyebabkan mereka tidak dapat memberikan pendidikan agama yang terbaik kepada anak-anak mereka. Menurut Yatim (2019), seorang bapa mualaf meluahkan berkenaan cabarannya dalam membesarakan empat orang anak-anaknya sendirian setelah berpisah dengan isterinya. Menurutnya, sebanyak RM35 diperlukan setiap hari untuk perbelanjaan persekolahan bagi kelima-lima anaknya itu selain keperluan perubatan bapanya. Ujaran beliau sebagaimana berikut “*Setiap hari saya berfikir mengenai sumber kewangan. Tak pernah tak fikir, saya fikir macam mana saya nak dapatkan sumber kewangan tetapi tidak perlu meninggalkan bapa saya seorang diri di rumah*”. Tuntasnya, belenggu kemiskinan yang mencengkam kehidupan keluarga mualaf sedikit sebanyak menyumbang kepada penyediaan pendidikan agama kepada anak-anak dengan terbaik mungkin.

Selain itu, terdapat segelintir ibubapa mualaf berhadapan dengan masalah kewangan dan kesempitan wang akibat daripada kehilangan sumber pendapatan selepas melakukan pemelukan agama. Menurut Fatimah Nordin, Khadijah, & Hajar (2018) terdapat mualaf yang terpaksa berhenti bekerja disebabkan bidang pekerjaannya sebelum memeluk Islam bertentangan dengan ajaran Islam seperti bekerja di premis-premis arak dan judi. Malah ada juga yang terpaksa berhenti kerja setelah tidak tahan menerima tekanan dari majikan yang bukan Muslim selepas keislamannya diketahui bahkan ada yang dipecat (Fatimah et al., 2018). Pandangan yang sama dikemukakan oleh Mohd Khambali et al. (2017) dengan menyatakan bahawa komuniti mualaf juga berdepan situasi kehilangan hak tuntutan harta pusaka dan disingkirkan oleh keluarga kandung kerana memilih untuk memeluk Islam. Selain itu, terdapat mualaf yang sukar untuk hadir ke kelas-kelas pengajian Islam mereka demi memperoleh mata pencarian. Menurut Kawi & Tan Abdullah @ Tan Ai Pao (2020) mualaf akan hilang pendapatan pada hari tersebut jika mereka hadir ke kelas pengajian terutama bagi ibu tunggal dan isteri yang membantu suami mencari nafkah.


Meskipun terdapat kesedaran daripada ibubapa mualaf akan kecetekan ilmu pengetahuan Islam yang ada pada diri mereka menyebabkan mereka perlu untuk memberikan inisiatif pendidikan Islam dari luar kepada anak-anak, namun kekangan kewangan menyekat mereka daripada memberikan pendidikan terbaik untuk anak-anak mereka. Tetapi indahnya syariat Islam itu, Islam sesekali tidak pernah membelakangkan golongan mualaf ini sendirian. Hal ini dibuktikan dengan keprihatinan Islam kepada golongan ini dengan kewujudan pembahagian zakat kepada mereka (Che Abah et al., 2019). Perkara ini dirakamkan di dalam al-quran sebagaimana pengertian firman Allah SWT pada ayat 60 surah al-Taubah:

٥ إِنَّمَا الْصَّدَقَةُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفِي سَبِيلِ اللهِ  
وَأَبْنِ الْسَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللهِ وَاللهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya zakat itu adalah untuk orang fakir, miskin, pengurus zakat, mualaf yang berjinak hatinya dengan Islam, hamba, orang yang berhutang, orang yang berjuang di jalan Allah serta orang yang dalam musafir dan terputus bekalan.”

Ayat ini menunjukkan bahawa mualaf merupakan satu kelompok yang berhak menerima zakat (Che Abah et al., 2019). Bahkan menurut Awang, (2015) berdasarkan sejarah Islam, sebahagian daripada harta zakat dan harta rampasan perang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada golongan ini untuk melembutkan hati mereka. Hal ini menunjukkan kelompok mualaf yang masih lemah iman ini perlu juga dibantu dan disokong sebagai tanda perhatian dan memujuk hati mereka yang telah melalui pelbagai cabaran untuk memeluk Islam.



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: alirsyad@kuis.edu.my  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 2, (December, 2020)**

Oleh yang demikian, hasil kajian oleh Azman, Azdi, & Irnawaty (2015a) mendapati terdapat 34 jenis bantuan yang diberikan oleh setiap institusi zakat di setiap negeri kepada asnaf mualaf di bawah Skim Bantuan Asnaf Mualaf sama ada melalui unit Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri ataupun Pusat Zakat Negeri. Walau bagaimanapun, bantuan yang diberikan adalah berbeza mengikut negeri tetapi mempunyai objektif yang sama iaitu menjaga kebaikan golongan ini, bahkan terdapat juga bantuan pendidikan dan persekolahan yang diberikan oleh hampir kesemua negeri di Malaysia kecuali negeri Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan JAWHAR (Azman, Irwan, & Shah, 2015b). Selain itu, eluan kehadiran ke kelas bimbingan agama anjuran MAIN atau JAIN turut disediakan oleh semua negeri di Malaysia kecuali negeri Sarawak dengan jumlah dan kaedah penyampaian yang berbeza (Azman et al., 2015b). Malah di Terengganu, kelas bimbingan agama dan eluan diberikan kepada semua peringkat umur mualaf sama ada pelajar dewasa, sekolah menengah atau sekolah rendah (*Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)*). Justeru daripada bantuan-bantuan yang disediakan ini dilihat mampu meringankan beban ibubapa mualaf yang berdepan cabaran kesempitan kewangan dalam memberikan pendidikan Islam kepada anak-anak mereka sehingga boleh menjaskas masa depan anak-anak mualaf.


### **3.3 Cabaran Penghayatan Agama**

Antara cabaran lain yang dihadapi oleh anak-anak mualaf dalam pendidikan Islam ialah cabaran penghayatan agama. Dari sudut bahasa penghayatan berasal dari istilah arab iaitu ‘hayat’ yang membawa maksud ‘hidup’ manakala ‘menghayati’ pula merupakan kata kerja yang bermaksud mengalami, merasai dalam hati atau meresap ke dalam jiwa (Abd Halim, 2017). Penghayatan yang dimaksudkan di sini merujuk kepada penghayatan terhadap pendidikan agama Islam. Ketandusan penghayatan agama ini dalam diri mualaf dan anak-anak mualaf akan memberi cabaran besar kepada perjalanan pendidikan Islam anak-anak mualaf tersebut. Tambahan pula pada zaman yang mencabar ini, kebiasaan ramai dalam kalangan ibubapa dan anak-anak hanya menganggap penghayatan Islam ini sekadar pembacaan sebagai rujukan tanpa memerlukan kepada pelaksanaan dan penghayatan yang mendalam (Norddin, 2017).

Apa yang lebih membimbangkan apabila ketiadaan kefahaman dan penghayatan serta pengamalan agama yang dianutinya membawa kepada berlakunya permohonan untuk isytihar murtad (Muhammad, Hj. Siren, & Md Yusoff, 2018). Menurut kajian yang dilakukan oleh Muhammad et al. (2018) salah satu faktor utama terjadinya permohonan isytihar murtad dalam kalangan mualaf ialah berpunca daripada keruntuhan rumah tangga mualaf yang disebabkan oleh sikap isteri yang curang berpelukan dengan lelaki lain, sikap isteri yang terlalu cemburu menyebabkan suami merasa rimas, sikap suami yang mengabaikan, menganiayai dan berlaku zalim kepada isteri sehingga akhirnya mualaf bertindak untuk bercerai dan keluar Islam. Perkara ini dilihat berpunca daripada kurangnya penghayatan dan didikan agama dalam kalangan rumah tangga mualaf menyebabkan keimanannya mudah goyah khususnya apabila mualaf berdepan kekecewaan. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Yusof (2008) dengan menyatakan bahawa kekecewaan dan masalah yang dihadapi oleh seseorang akan menyebabkan seseorang itu mudah hilang pertimbangan termasuk golongan mualaf yang masih lagi terkapai-kapai mencari arah hidup sebagai seorang yang beragama Islam. Perpecahan dalam rumah tangga mualaf ini dilihat memberi kesan dan cabaran yang besar kepada masa depan anak-anak mereka terutama dalam soal pendidikan Islam.

Selain itu, hasil kajian Alias (2015) mendapati bahawa 51% mualaf di Kompleks Darul Hidayah berada pada peringkat bacaan iqra’ walhal kebanyakannya mereka sudah memeluk Islam lebih lima tahun. Bahkan Menurut Kasim, Hamid, & Jemali (2017), kegagalan mualaf dalam mengerti masalah-masalah berhubung kebebasan, penindasan perempuan, jumud dan lain-lain mendorong mereka untuk berpatah balik ke agama asal. Perihal ini amat berhubung kait dengan tahap kefahaman, keyakinan dan penghayatan mualaf dalam beragama. Justeru, kecetekan penghayatan agama dalam kalangan mualaf dilihat bakal memberi cabaran besar dalam memberi bimbingan agama kepada anak-anak mereka khususnya dalam aspek pengukuhan akidah, pembangunan syariat dan pemantapan akhlak mereka. Sekiranya tiada pendidikan Islam yang betul diberikan kepada anak-anak ini dibimbangi akan menyebabkan mereka turut sama mengikut perkara-perkara buruk yang dilakukan oleh ibubapa mereka.

Seterusnya, ketandusan penghayatan agama juga dapat dinilai daripada diri anak-anak mualaf. Menurut Abdul Jalil et al. (2017) anak-anak mualaf di sekolah menengah di sekitar Sri Aman Sarawak yang kurang mengerti dalam aspek membaca lafaz-lafaz bacaan dalam solat dengan tepat dan lancar adalah sebanyak 50%. Beliau turut menyatakan bahawa tahap amalan solat fardhu anak-anak mualaf berada pada peringkat sederhana manakala 74% anak-anak mualaf hanya sekali sekala menunaikan solat fardhu, bahkan 16% pula tidak pernah solat. Hasil kajian keseluruhan mendapati amalan fardhu ain anak-anak mualaf sekolah menengah di bahagian



Sri Aman hanya berada pada tahap sederhana meskipun tahap pengetahuan fardhu ain mereka tinggi (Abdul Jalil et al., 2017). Perkara ini jelas menunjukkan kurangnya amalan penghayatan agama daripada anak-anak mualaf. Justeru, pemantauan dan pendidikan Islam yang khusus dan berterusan perlu diberikan kepada anak-anak mualaf ini agar mereka tidak terjerumus daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama.

### **3.4 Cabaran Penghayatan Agama**

Selain itu, latar belakang keluarga turut memberikan cabaran kepada anak-anak mualaf dalam memperolehi pendidikan Islam dengan sempurna. Terdapat anak mualaf yang terhalang daripada ke sekolah akibat daripada latar belakang ibubapa yang bukan warganegara yang mengalami masalah dokumentasi. Berdasarkan laporan Abdul Rahman (2020), seorang mualaf yang juga merupakan bapa kepada dua orang anak berkata bahawa dia tidak dapat menghantar anaknya ke sekolah sebelum ini berikutan masalah dokumentasi kerana isterinya merupakan warga Indonesia. Justeru, apabila anak-anak mualaf ini tidak bersekolah menyebabkan mereka turut sama tidak memperoleh pendidikan Islam secara formal yang merupakan subjek teras di sekolah. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Suhid et al. (2015) bahawa Pendidikan Islam menjadi salah satu daripada mata pelajaran yang wajib diajar sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun di sekolah menengah yang bertujuan melahirkan individu yang beriman, beramal dan berakhhlak soleh.

Selain itu, sesetengah anak-anak mualaf yang datang daripada latar belakang keluarga yang salah seorang ibubapanya sahaja memeluk Islam turut dilihat bakal memberi cabaran yang besar kepada pendidikan Islam anak-anak mualaf. Menurut Gomez (2016) mahkamah telah memutuskan mualaf bernama Izwan Abdullah mendapat hak penjagaan anak lelakinya bernama Nabil, manakala isterinya yang bukan Islam mendapat hak penjagaan bagi anak perempuannya Nurul Nabila. Walau bagaimanapun, kedua-dua anak-anaknya ini telah berjaya diislamkan oleh Izwan dan beliau sesekali tidak membenarkan anaknya Nurul Nabila dimurtadkan. Justeru, hasil keputusan mahkamah ini pasti memberi cabaran besar kepada anak perempuannya dalam mendapatkan pendidikan Islam malah masa depan Nurul Nabila sebagai kanak-kanak Islam akan turut terjejas. Kebimbangan terhadap bimbingan agama yang bakal diterima oleh anak perempuannya itu turut dirasai oleh saudara Irwan terutama apabila isterinya Deepa mengeluarkan kenyataan di media bahawa akan membesarakan Nurul Nabila sebagai penganut Hindu (Gomez, 2016).


Namun, cabaran anak-anak dibesarkan dalam latar belakang keluarga bukan Islam ini sekaligus menyebabkan mereka sukar mendapat pendidikan Islam dengan sempurna tidak berlaku kepada semua yang bergelar mualaf. Ini kerana terdapat juga kanak-kanak mualaf mendapat keizinan, bantuan dan sokongan daripada kedua-dua ibubapa bukan Islam mereka untuk mendapatkan bimbingan dan didikan agama Islam daripada luar. Berdasarkan pernyataan Yap (2019) yang merupakan Penggerusi Macma Kelantan merangkap AJK Perkim Kelantan, Firdaus yang memeluk Islam ketika berumur 11 tahun mendapat suntikan semangat dan sokongan daripada kedua-dua ibubapanya yang bukan Islam malah pada setiap hujung minggu ibubapanya akan menghantar Firdaus ke datuk angkatnya untuk mendalamai Islam di samping akan mengejutkan anaknya itu untuk bangun bersahur.

Memang tidak dinafikan terdapat banyak kes ibubapa membenarkan anak-anak di bawah umur untuk memeluk Islam serta memberi sokongan moral dengan menghantar anak-anak mualaf ke pusat pendidikan Islam. Sebagai contoh ibubapa kepada mualaf Tan Mike Foong yang juga bukan Islam bertindak menghantar anaknya ke masjid dan mendaftarkannya di sekolah tafhib. Tan Mike Foong yang juga merupakan seorang OKU cacat penglihatan telah memeluk Islam ketika umurnya 19 tahun masih tinggal bersama keluarganya yang bukan Islam (Yap, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa wujud mualaf yang berlatar belakang ibubapa bukan Islam yang memahami dan bersikap toleransi dengan anak-anak remajanya yang telah memeluk Islam untuk mendapatkan pendidikan Islam di usia kecilnya.

Namun, perkara ini tidak sesekali menafikan cabaran yang dihadapi oleh sesetengah anak mualaf dalam mendapatkan pendidikan Islam rentetan daripada latar belakang keluarga yang juga baru memeluk Islam ataupun salah seorang ibu atau bapanya tidak memeluk Islam. Biarpun begitu, mualaf kategori kanak-kanak ini hanya mengharapkan mendapat bimbingan sepenuhnya dari masyarakat dan agensi agama Islam di luar walhal ibu bapa sepatutnya menjadi pendidik pertama anak-anak dalam memberi nilai dan merealisasikan pendidikan Islam di rumah khususnya dari aspek praktikal harian. Perkara ini amat membimbangkan kerana bagi segerintir anak-anak yang mudah terpengaruh, tidak memiliki asas kawalan disiplin diri yang utuh, asas pendidikan agama yang lemah dan tidak berupaya menghadapi cabaran kebiasaannya akan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang negatif (Yahaya, 2012). Oleh itu, berdasarkan kenyataan di atas, dapat dinyatakan bahawa kebijakan dalam aspek pendidikan Islam anak-anak khususnya anak-anak mualaf ini perlu dipantau dan diambil berat oleh semua pihak yang terlibat agar anak-anak ini mendapat bimbingan agama Islam yang benar di

samping untuk mengelakkan mereka daripada perkara-perkara yang menjauhkan anak-anak mualaf ini daripada agama Islam. Secara ringkas, cabaran yang dilalui anak-anak mualaf dalam memahami dan menghayati pendidikan Islam di Malaysia adalah sebagaimana berikut:

**Rajah 1. Kerangka Cabaran Anak Mualaf**




#### 4. Implikasi dan Cadangan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diterima, pengkaji mencadangkan semua pihak khususnya kepada pihak ibubapa, guru-guru yang mengajar anak-anak di pusat-pusat bimbingan saudara baru ataupun di sekolah, bahagian unit dakwah saudara baru, institusi-institusi agama di Malaysia sama ada agensi-agensi kerajaan ataupun bukan kerajaan dan bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia supaya berganding bahu memberikan penekanan yang khusus dalam aspek pendidikan Islam kepada anak-anak mualaf bagi mempertingkatkan ilmu pengetahuan Islam dan mereka dapat praktikkan dalam kehidupan di samping sebagai persediaan mengukuhkan jati diri mereka sejak kecil supaya mereka terhindar daripada sebarang bentuk anasir yang mampu merencatkan nilai keagamaan mereka. Menurut Muhamat @ Kawangit (2013), masyarakat Islam khususnya hendaklah memberikan perhatian akan setiap keperluan, bimbingan dan urusan berkaitan mualaf sepanjang tempoh mereka bergelar mualaf sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan hatinya sentiasa kuat dengan bantuan masyarakat Islam yang lain disebabkan hati mereka baru sahaja dijinakkan untuk mengenal Islam.

Selain itu, kajian ini secara keseluruhannya menggunakan pendekatan kajian kepustakaan melalui penelitian tulisan-tulisan dan dokumen yang berkaitan anak mualaf. Oleh itu, kajian lanjutan pada masa hadapan boleh dijalankan dengan menggunakan kajian kualitatif seperti menjalankan temu bual dengan anak-anak mualaf dan guru-guru yang memberi bimbingan dan pendidikan Islam serta pemerhatian di kelas-kelas bimbingan bagi memperoleh maklumat yang lebih jelas berkaitan cabaran-cabaran yang dihadapi.

#### 5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa anak-anak mualaf turut berdepan pelbagai cabaran dalam mendapatkan pendidikan keagamaan terutama apabila salah seorang atau kedua-dua ibubapa mereka melakukan pemelukan agama Islam. Oleh itu, penekanan terhadap bimbingan agama dan pendidikan Islam bukan sahaja perlu diberikan kepada mualaf tetapi juga kepada golongan anak-anak mualaf dan perkara ini tidak boleh dipandang enteng oleh masyarakat Islam. Ini kerana pendidikan agama Islam merupakan perkara yang amat penting dalam membina masyarakat Islam yang mempunyai jati diri yang kuat dan utuh. Ilmu pengetahuan agama Islam meliputi akidah, ibadah, syariah dan akhlak merupakan antara komponen penting yang perlu dipelajari oleh setiap individu khususnya yang bergelar Muslim. Kajian ini turut mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk dijadikan kajian pada masa akan datang. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran




berkaitan cabaran pendidikan Islam yang dihadapi anak-anak mualaf yang dapat membantu kumpulan yang terlibat dalam usaha meningkatkan penekanan pendidikan Islam dan kesedaran untuk memberikan bimbingan keagamaan kepada anak-anak mualaf sejak kecil. Perkara ini sangat penting dilaksanakan supaya anak-anak ini terhindar daripada gejala murtad dalam kalangan mualaf dan sekali gus menjadikan mereka sebagai seorang Muslim sejati yang beriman dan bertaqwa.

## Penghargaan


Pengkaji ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 600-IRMI/FRGS/ 5/3 (473/2019) di bawah Universiti Teknologi Mara dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana menyediakan dana bagi penyelidikan yang dijalankan.

## Rujukan

- Abd Halim, R. B. (2017). *Penghayatan agama Islam sebagai mediator dalam hubungan antara persekitaran sosial dengan salah laku seksual pelajar Islam*. (Tesis PhD). Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Jalil, J., Hamzah, M. I., & Lubis, M. A. (2017). Tahap pengetahuan dan amalan Fardhu Ain anak-anak mualaf Sekolah Menengah di Bahagian Sri Aman Sarawak. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 107–123.
- Abdul Rahman, N. (2020, April 26). Mualaf tabah hadapi dugaan hidup. *Harian Metro*. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571501/mualaf-tabah-hadapi-dugaan-hidup>.
- Abdullah, N. N. (2017). Temu bual bersama Presiden MACMA Terengganu di pejabat Darul Fitrah, Kuala Terengganu pada 14 Oktober 2017.
- Abu Bakar, D. Z. R. (2013). Pengislaman anak-anak mualaf di bawah umur: Respons PPMM. *Astro Awani*. Diambil daripada <https://azrilmohdamin.com/2013/06/20/pengislaman-anak-anak-mualaf-di-bawah-umur-respons-ppmm-2/>.
- Agustina, M. A. (2018). *Pola asuh orang tua muallaf dalam memberikan pendidikan Islam pada anak di Dusun Welar, Pandeyan, Ngemplak, Boyolali tahun 2018*. (Skripsi Sarjana). Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan. Institut Agama Islam Negeri Surakarta.
- Ali, H. B., & Hamjah, S. H. (2015). Kepentingan gaya hidup islam dalam konteks saudara baru. *Bicara Dakwah Kali Ke-16*, 4–14. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias, N. E. (2015). *Kemahiran mengenal asas dan membaca al-quran dalam kalangan saudara baru di Kompleks Darul Hidayah Kuala Lumpur*. (Tesis Sarjana). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. (2010). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2018). *Modul Pendidikan Islam PIMKD2013 pengenalan kurikulum pendidikan Islam di Malaysia*. Cyberjaya: Institut Pendidikan Guru Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Aryani, N. (2015). Konsep pendidikan anak usia dini dalam perspektif pendidikan Islam. *Jurnal Potensi*, 14(02), 213–230.
- Awang, A. (2015). *Kajian pengalaman dialog kehidupan masyarakat Cina Muslim Terengganu sebelum dan selepas konversi*. (Tesis PhD). Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Azman, A. R., Azdi, W. R. W. M. F., & Irnawaty, I. R. (2015a). Analisis pentafsiran mualaf menurut Islam Dan enakmen pentadbiran Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 9–37.
- Azman, A. R., Irwan, M. S., & Shah, M. D. N. R. (2015b). Skim bantuan zakat asnaf mualaf: satu analisis kontemporari di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 167–191. <https://doi.org/10.12816/0029910>.
- Basir, H. (2012). 686 permohonan murtad direkod. Diambil daripada <https://helmdahl.blogspot.com/2012/01/686-permohonan-murtad-direkod.html>
- Che Abah, N., Suhid, A., & Mohd Fakhrudin, F. (2019). Isu dan cabaran saudara baharu di Malaysia: satu tinjauan awal. *Jurnal AL-ANWAR*, 8(2), 1–13.
- Fatimah, S., Nordin, N., Khadijah, I., & Hajar, M. Y. (2018). Cabaran dan implikasi pengurusan dokumentasi saudara baru. *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat*, p. 422-431. Kuala Nerus: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Gomez, J. (2016). Bekas suami Deepa beri amaran rampas anak jika dibesarkan ikut ajaran Hindu. *The Malaysian Insider*. Diambil daripada <http://www.theinsiderarchived.com/bahasa/article/bekas-suami>



- deepa-beri-amaran-rampas-anak-jika-dibesarkan-ikut-ajaran-hindu.
- Hermawansyah, H., & Suryani, S. (2017). Internalisasi nilai-nilai keislaman pada anak-anak para muallaf: sebuah kajian Fenomenologi. *Palapa: Jurnal Studi Keislaman dan Ilmu Pendidikan*, 5(1), 14–42. <https://doi.org/10.36088/palapa.v5i1.34>.
- Ismail, Z., Ahmad, W. I. W., Hamjah, S. H., Mohamad Rasit, R., Abd. Khafidz, H., & Ashaari, M. F. (2019). Senario pendidikan Islam dan hala tujuanya dalam sistem pendidikan Malaysia. *Jurnal Al-Hikmah*, 11(2), 37–53.
- Kasim, A. Y., Hamid, S. A., & Jemali, M. (2017). Pengajaran akidah dalam kalangan mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif*: Special Issue 1, 1(1), 89–100.
- Kasimin, A. (1985). *Saudara baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kawi, K., & Tan Abdullah @ Tan Ai Pao, N. A. M. (2020). Isu dan cabaran saudara kita di Jabatan Agama Islam Sarawak [ Issues and Challenges Mualaf in the Sarawak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 28–43.
- Laman Web Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) - Jenis-Jenis Bantuan. (n.d.). (Retrieved June 28, 2020), diambil daripada <http://www.maidam.gov.my/index.php/en/jenis-jenis-bantuan>.
- Mahfud, M. H. (2017). *Pendidikan Islam bagi remaja dalam keluarga mualaf (studi kasus di Desa Mayang, Gatak, Sukoharjo tahun 2017)*. (Skripsi Sarjana). Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan. Institut Agama Islam Negeri Surakarta.
- Mohamad, N., Abd. Majid, M., & Omar, A. N. (2017). Metodologi pengajaran mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM (IDIP). *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 4(2), 215–233. [rmc.kuis.edu.my/jpi/](http://rmc.kuis.edu.my/jpi/).
- Mohd Khambali, K., Awang, A., Sintang, S., Abdul Rahman, N. F., Wan Ramli, W. A., & Mat Karim, K. N. (2017). Muhamir penjana interaksi dan toleransi beragama saudara baru-Muslim-Non-Muslim. *Jurnal Akademika*, 87(2), 63–76. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-05>.
- Mohd Yusof, F., Timmiati, S. M., Nordin, N. R., Ruskam, A., Suratman, A. S. & Ripin, M. N. (2008). *Kaedah penyelesaian dalam menangani pertukaran agama di kalangan masyarakat Melayu- Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. (Laporan Projek). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhamat @ Kawangit, R. (2013). Keperluan bimbingan kepada golongan muallaf. Diambil daripada [https://www.researchgate.net/publication/301894473\\_KEPERLUAN\\_BIMBINGAN\\_KEPADA\\_GOLONGAN\\_MUALLAF\\_DI\\_MALAYSIA](https://www.researchgate.net/publication/301894473_KEPERLUAN_BIMBINGAN_KEPADA_GOLONGAN_MUALLAF_DI_MALAYSIA).
- Muhammad, S., Hj. Siren, N. R., & Md Yusoff, Y. (2018). Faktor permohonan isytihar murtad dalam kalangan mualaf di Selangor. *Journal of Usuluddin*, 46(2), 123–146. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no2.5>.
- Norddin, M. F. Bin. (2017). *Amalan penghayatan pendidikan Islam terhadap murid beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. (Tesis Sarjana). Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman, M. S., Ahmad @ Mohammed, A. A. K. S., & Kassim, A. Y. (2017). Konsep Malakah Ibnu Khaldun dalam konteks pengajaran yang menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 12–26.
- P. Guleng, M., Muhamat@Kawangit, R., & Mohamad, A. D. (2014). Penyesuaian diri mualaf terhadap masyarakat dalam kalangan pelajar Institut Dakwah Islamiyah PERKIM (IDIP). *Jurnal Al-Hikmah*, 6(1), 78–93.
- Stapa, Z., Yusuf, N., & Shahruddin, A. F. (2012). Pendidikan menurut al-Quran dan Sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 77–22.
- Suhid, A. (2009). *Pendidikan akhlak dan adab Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suhid, A., Ahmad, A. M., Mohd Sabri, S., & Effendy Mohamad, A. (2015). Pendidikan untuk semua: amalannya dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1(2), 1–7.
- Suhid, A., Fakhruddin, F. M., Roslan, S., Abdul Mutualib, L., & Che Noh, M. A. (2014). Private Islamic primary school teachers' commitment in human capital development in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(27), 766–773.
- Tajul Arifin, F. A. (2013). Dahulu mualaf kini murtad. *Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf*, 7–8 Sept.
- Yahaya, A. (2012). *Faktor-faktor yang menyebabkan gejala melepak di kalangan remaja (part 2)*. Diambil daripada [http://eprints.utm.my/id/eprint/21099/1/Faktor-faktor\\_part2.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/21099/1/Faktor-faktor_part2.pdf).



Published biannually by:  
**Faculty of Islamic Civilization Studies,  
Selangor International Islamic University College (KUIS)**  
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.  
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402  
Email: [alirsyad@kuis.edu.my](mailto:alirsyad@kuis.edu.my)  
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

**Vol. 5, No. 2, (December, 2020)**

- Yap. (2019). Tekanan perasaan golongan mualaf. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/28842/KOLUMNIS/Tekanan-perasaan-golongan-mualaf>.
- Yatim, N. (2019). Kasih seorang mualaf, setia jaga bapa hidap strok. *Sinar Harian*. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/40542/EDISI/Terengganu/Kasih-seorang-mualaf-setia-jaga-bapa-hidap-strok>.
- Yusoff Awang, Y., & Che Mat, C. B. (2004). Kepentingan pendidikan Islam dalam pengajian ketamadunan. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme*, 1–12. Samarahan: Universiti Teknologi MARA Kampus Samarahan.
- Yusri, S. F. Z. & Abdullah @ Tan Ai Pow, A. M. T. (2015). Pengajaran pendidikan Islam terhadap muallaf: satu tinjauan literatur. Dlm. A. I. Mokhtar & Z. Aini (Eds.), *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemanjangan Ummah* (pp. 1–17). Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.